

**M'sia, Uae Tandatangani Inisiatif Perkongsian Strategik RM39 Bilion  
Bernama  
12 Mac, 2013**

PUTRAJAYA, 12 Mac (Bernama) -- Malaysia dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) Selasa bersetuju mengadakan perkongsian strategik Aabar-1MDB bernilai RM18 bilion, dengan tumpuan pada pelaburan mampan bagi projek-projek berimpak tinggi.

Ia juga bertujuan bagi Abu Dhabi membina kemudahan penyimpanan minyak mentah dan petroleum berharga RM21 bilion di luar pantai Tanjung Piai, Johor.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pelaburan mampan dalam projek-projek berimpak tinggi amat penting bagi pertumbuhan ekonomi dan sosial Malaysia dalam jangka panjang, manakala kemudahan penyimpanan di Tanjung Piai, dengan kapasiti menyimpan 60 juta tong minyak mentah dan petroleum, akan mencetuskan kegiatan ekonomi yang ketara.

Beliau berkata projek berbilion ringgit itu menandakan keyakinan terhadap kekuatan dan kestabilan jangka panjang Malaysia dan ekonominya, serta perkongsian yang semakin kukuh antara kedua-dua negara.

Beliau berkata ketika negara-negara lain di dunia terus berada dalam kelembapan ekonomi, ekonomi Malaysia memecut ke hadapan dengan pertumbuhan kukuh, kadar pengangguran dan kadar inflasi rendah serta tahap hutang yang terkawal.

"Dengan projek-projek seperti yang diumumkan hari ini, akan mewujudkan beratus ribu pekerjaan bergaji lumayan bagi rakyat Malaysia.

"Kita boleh pasti bahawa negara kita bergerak lancar ke arah menjadi negara maju menjelang 2020," kata Najib sebelum beliau dan Putera Mahkota Abu Dhabi, Jeneral Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan, yang sedang mengadakan lawatan ke Malaysia, menyaksikan upacara menandatangani inisiatif-inisiatif itu.

Putera Mahkota itu, yang juga Timbalan Komander Agung Angkatan Tentera UAE, berada di Malaysia bagi lawatan rasmi atas undangan Najib.

Terdahulu, Putera Mahkota itu mengadakan pertemuan empat mata dengan Najib.

Perdana Menteri berkata semasa perbincangan yang berhasil dan merangkumi pelbagai perkara dari hubungan dua hala hinggalah kepada kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan itu, kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa memang ada potensi yang amat besar bagi kerjasama yang lebih luas.

Beliau berkata kedua-dua negara haruslah mengenal pasti bidang-bidang bagi bekerjasama untuk menghasilkan faedah-faedah ketara bagi kedua-dua negara.

Najib berkata UAE adalah rakan dagang paling penting bagi Malaysia di rantau Teluk, yang menyaksikan nilai dagangan dalam 11 bulan tahun lepas mencecah RM24.8 bilion, meningkat 18 peratus berbanding 2011.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=933975>